

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 25.10.2024 MASA: 11.50AM

**MUKTAMAD**



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN  
ABDUL HAMID  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

**PROGRAM *QUALITY APPRECIATION*  
TAHUN 2024**

### **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**28 OKTOBER 2024 (ISNIN)  
3.00 PETANG**

**DEWAN KENANGA  
MENARA BANDARAYA  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**Yang Dihormati**  
**En Zainuddin Bin Mohamed**  
Whip Ahli Majlis  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Encik Wan Junaidy Bin Yahaya**  
Pengarah Korporat Merangkap Wakil Pengurusan Kualiti

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Pemenang-Pemenang Anugerah Kualiti**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh

Selamat Petang dan Salam Sejahtera

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran, saya panjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, dapat kita bersama-sama berkumpul pada petang ini bagi menyempurnakan **Program Quality Appreciation Tahun 2024** di Dewan Kenanga, Menara Bandaraya.
2. Terlebih dahulu saya ingin mengalu-alukan kehadiran semua ke majlis yang sangat bermakna ini. Ingin saya zahirkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Tuan Setiausaha Bandaraya sebagai Pengurus Kualiti MBSP yang sentiasa memastikan pelaksanaan kualiti MBSP berada di landasan yang kukuh dan konsisten, Pengarah Korporat sebagai Wakil Pengurusan Kualiti MBSP (MR) dan Unit Kualiti Jabatan Korporat yang telah membantu dalam menyelaras pelaksanaan Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti MBSP secara berterusan serta memantau pelaporan kualiti dan memastikan garis panduan atau dokumentasi pelaksanaan kerja / aktiviti jabatan memenuhi dan berdasarkan keperluan standard ISO.

3. Program *Quality Appreciation* kali ini adalah yang ke-empat diadakan sempena Sambutan Hari Bandaraya. Ini merupakan satu pengiktirafan yang diberikan oleh MBSP kepada kakitangan sebagai tanda penghargaan atas usaha pengurusan dalam menyokong dan memartabatkan prinsip membudayakan kualiti di MBSP.
4. Sebagai Datuk Bandar MBSP, saya sentiasa menggalakkan semua kakitangan untuk terus mengekalkan budaya kualiti dalam pelaksanaan tugas rutin mahupun bukan rutin, demi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan MBSP. Pelaksanaan tugas yang mematuhi SOP atau garis panduan yang telah ditetapkan akan menjadikan proses kerja lebih teratur, cekap, dan pantas, sekaligus meningkatkan tahap kepuasan pelanggan.
5. Saya berharap program-program lain, selain daripada; Anugerah Khas *Quality Engagement*, Kuiz Kualiti, Idea KAIZEN dan Projek *Business Process Improvement (BPI)*; dapat diusahakan oleh semua pasukan kerja kualiti, termasuk setiap warga kerja MBSP, dengan penuh semangat dan tanpa jemu. Dengan demikian, kita akan sentiasa bergerak ke hadapan dan selari dengan hasrat kerajaan Negeri serta Persekutuan.

6. Saya berharap MBSP akan terus melaksanakan penambahbaikan bagi memastikan tiga (3) aspek yang telah saya usahakan untuk ditransformasikan iaitu; Kebersihan Bandar, Pemerkasaan Penguatkuasaan, dan Pengukuhan Fiskal/Kewangan, dapat mencapai sasaran yang kita kehendaki.
7. MBSP meraikan dan memberi penghargaan kepada semua yang telah berusaha tanpa mengenal lelah untuk mengekalkan pensijilan kualiti serta memastikan MBSP sentiasa berada di puncak dalam apa-apa aspek sekalipun.
8. Saya ingin merakamkan tahniah kepada MR dan Sekretariat Kualiti, Pegawai Kualiti, Auditor Dalaman Kualiti, Penilai Pematuhan, Wakil Pekerja, Pasukan Kerja Kualiti, dan 5S, serta komitmen yang ditunjukkan oleh Ketua Jabatan-Ketua Jabatan dalam melaksanakan Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti. Tidak lupa juga kepada semua Ahli Majlis MBSP yang sentiasa memberikan sokongan padu terhadap segala usaha yang kita lakukan demi memartabatkan MBSP sebagai sebuah PBT yang sentiasa cemerlang.
9. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Syabas dan Tahniah kepada semua pemenang yang telah terlibat dalam program-program di bawah kualiti.

10. Dengan rasa besar hati dan dengan lafaz  
“***Bismillahirrahmanirrahim***”, saya dengan ini merasmikan **Program Quality Appreciation Tahun 2024.**

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***